



16 OCT, 2021

Expo 2020 Dubai : Malaysia jana lebih RM7.2 bilion



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3

Malaysia jana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan

DALAM tempoh 2 minggu pertama penyertaan Expo 2020 Dubai, Malaysia telah menjana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan dengan beberapa syarikat yang berpangkalan di luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah potensi perdagangan dan pelaburan itu diperoleh menerusi

14 memorandum persefahaman (MoU), tiga surat niat (LoI) dan dua memorandum kerjasama (MoC) yang ditandatangani 14 syarikat Malaysia.

7





16 OCT, 2021

Expo 2020 Dubai : Malaysia jana lebih RM7.2 bilion



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Expo itu turut catat lebih 50,000 pengunjung bermula 1 hingga 14 Oktober

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



ISMAIL SABRI

Malaysia telah menjana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan dengan beberapa syarikat yang berpangkalan di luar negara dalam tempoh dua minggu pertama penyertaan Expo 2020 Dubai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah potensi perdagangan dan pelaburan itu diperoleh menerusi 14 memorandum persefahaman (MoU), tiga surat niat (LoI) dan dua memorandum kerjasama (MoC) yang ditandatangani 14 syarikat Malaysia.

"Syarikat-syarikat luar negara tersebut berpangkalan di China, Mesir, India, Iran, Oman,

Qatar, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, MoU tersebut antara lain merangkumi teknologi 'blockchain' dan 'Internet of Things' minyak dan gas, robotik dan automasi, pemternakan akuatik dan bioteknologi, sektor berintensifkan teknologi, kenderaan udara tanpa pemandu, teknologi termal dan ultrasound serta bidang pembangunan dan penyelidikan teknologi pengekstrakan herba.

"LoI dan MoC pula melibatkan fabrikasi 1,000 unit modular

rumah pintar hijau, pengedaran eksklusif kapal tanpa pemandu, sistem pertanian menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan ramalan penyelegaran bagi penyelesaian projek," katanya.

Jelasnya, ia merupakan pencapaian amat positif sepanjang dua minggu pertama penyertaan Malaysia di expo mega ini ketika negara berada dalam fasa pemuliharaan pasca Covid-19.

"Dijangkakan momentum ini akan berterusan untuk 25 minggu akan datang dengan sokongan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri," katanya.

Katanya, bertemakan 'Energizing Sustainability', pavilion Malaysia di Expo 2020 Dubai turut mencatatkan lebih 50,000 pengunjung bermula 1 hingga 14 Oktober.

"Kerajaan juga yakin akan melepas jumlah sasaran antara RM8 bilion hingga RM10 bilion, terutamanya potensi perniagaan dan perdagangan dalam ekspo selama enam bulan ini," katanya.

Beliau merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku kementerian yang menerjui penyertaan Malaysia ke expo itu serta Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia adalah agensi pelaksana.



Expo 2020 Dubai : Malaysia jana lebih RM7.2 billion



16 OCT, 2021

Expo 2020 Dubai : Malaysia jana lebih RM7.2 bilion

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Malaysia jana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan

DALAM tempoh 2 minggu pertama penyertaan Expo 2020 Dubai, Malaysia telah menjana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan dengan beberapa syarikat yang berpangkalan di luar negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah potensi perdagangan dan pelaburan itu diperoleh menerusi

7 14 memorandum persefahaman (MoU), tiga surat niat (LoI) dan dua memorandum kerjasama (MoC) yang ditandatangani 14 syarikat Malaysia.